

9 sebab anda GAGAL menjadi KAYA

“Sebuah Panduan Pengurusan Kewangan”

Penulis :

Mohd Fazdlie bin Mohamad Sahid (Encik Dlie)

Blog : www.PetuaJimatDuit.com

Web : www.KrisisWang.com

Penyataan HakCipta:

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengubah apa-apa kandungan yang tertulis di dalam Ebook ini sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak KrisisWang.Com. **Ebook ini tidak boleh dijual** dan ianya untuk **diberikan secara PERCUMA**. Anda hanya dibenarkan untuk mengedarkan Ebook ini secara PERCUMA dalam keadaan asal tanpa mengubah struktur ayat dan segala isi kandungan yang terkandung di dalam Ebook ini.

Penafian Penulisan:

Pihak penerbit (penulis) berusaha sedaya upaya memastikan buku (Ebook) yang diterbitkan ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti daripada segi subjek yang dibincangkan. Penerbit Ebook ini tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan daripada pakar yang berkelayakan.

Sebarang masalah, sila email kami di :

petuajimatduit@gmail.com

Isi Kandungan

Mukadimah

Pengenalan

9 Sebab Anda Gagal Menjadi Kaya

Tidak Pernah Merancang

Tidak Mempunyai Matlamat

Tidak Pernah Memulakan Langkah Pertama

Tiada Garis Panduan Untuk Menjadi Kaya

Tidak Mahu Belajar Menjadi Kaya

Terlalu Cepat Berputus Asa

Ilmu Kewangan Yang Lemah

Mudah Percaya dan di Pengaruhi

Malas dan Mengharapkan Bantuan Orang Lain

Penutup

Iklan

Mukadimah

Assalamualaikum dan salam ceria,

Saya Mohd Fazdlie (Encik Dlie) selaku admin www.KrisisWang.com ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada anda kerana sudi mendapatkan Ebook “**9 sebab anda GAGAL menjadi KAYA**”.

Ebook ini dihasilkan bukan bertujuan untuk bersaing dengan mana-mana pihak, tetapi bermatlamat untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai pengurusan kewangan. Diharapkan Ebook ini sedikit sebanyak dapat memberikan ilmu yang berguna kepada anda dan para pembaca yang lain.

Di dalam Ebook ini **tiada unsur-unsur pelaburan skim cepat kaya** mahupun peluang-peluang pelaburan yang di tawarkan melainkan **hanya ilmu dan tips** bagaimana anda dapat memulakan langkah yang betul dalam usaha menjadi kaya.

Saya terlibat di dalam bidang kewangan ini sewaktu saya mula **bekerja di bahagian kewangan** dan setelah menghadiri kursus pengurusan kewangan yang dianjurkan. Sejak daripada itu, saya banyak mendalami ilmu-ilmu pengurusan kewangan melalui bahan bacaan, forum, kursus dan lain-lain sumber daripada yang lain.

Pada tahun 2007 yang lepas, ramai golongan eksekutif muda menghadapi masalah kewangan serta ada di antaranya di isytiharkan bangkrap pada usia belum pun mencecah 30 tahun. Oleh itu saya telah menubuhkan blog PetuaJimatDuit.com sebagai platform untuk berkongsi ilmu dan pendapat mengenai pengurusan kewangan peribadi agar masalah kewangan golongan muda dapat diatasi pada peringkat awal.

Di samping itu juga, saya telah melibatkan diri di dalam perniagaan internet pada penghujung tahun 2006. Bermula dengan suka-suka dan belajar sedikit demi sedikit, alhamdulillah saya berjaya memperolehi **pendapatan melalui internet**. Syukur....

Saya telah mengambil keputusan untuk serius di dalam kedua-dua bidang ini dan semoga kehadiran saya di kalangan usahawan internet Malaysia dapat membantu **merencanakan perkembangan perniagaan internet** serta membantu usahawan internet yang lain.

Semoga apa jua ilmu yang terkandung di dalam Ebook ini dapat memberikan **1001 pengetahuan** kepada anda dan **meningkatkan taraf ekonomi** hasil dari pengurusan kewangan yang berkesan.

Salam kebebasan kewangan,

Encik Dlie
PetuaJimatDuit.Com

www.PetuaJimatDuit.com
24 Januari 2008, Shah Alam, Selangor

Pengenalan

Menguruskan kewangan peribadi pada hari ini bukan lagi hanya menjadi keutamaan bagi orang yang memiliki harta dan kekayaan sahaja, malah, setiap individu perlu menguasai setidak-tidaknya **asas di dalam menguruskan kewangan** untuk diri sendiri mahupun keluarga.

Tujuannya bagi memastikan anda dan keluarga **hidup dengan tenang, selesa, aman, bahagia dan tiada masalah** yang membelenggu diri akibat daripada masalah kewangan terutama sekali ialah hutang.

Masalah yang timbul daripada **pengurusan kewangan yang teruk** boleh mengakibatkan krisis ekonomi kepada diri sendiri dan keluarga. Kegagalan menguruskan kewangan dengan baik, menyebabkan wujudnya desakan dan tekanan hidup. Akibatnya ramai yang terpaksa meminjam daripada Along (ceti haram) atau menjadi penyamun kolar putih (menggelapkan wang syarikat).

Banyak lagi masalah-masalah lain yang akan timbul sekiranya anda tidak mula menguruskan kewangan dengan baik. Semoga ebook “9 sebab anda GAGAL menjadi KAYA” ini membuka peluang baru untuk anda memperbaiki kelemahan yang ada.

9 Sebab Anda GAGAL menjadi KAYA

Rata-rata ramai yang tahu dan arif bagaimana caranya untuk menjadi kaya, tetapi berapa ramaikah yang tahu apakah sebab-sebab yang menyebabkan anda GAGAL menjadi kaya? Di sini, saya akan dedahkan 9 sebab utama yang menyebabkan anda tidak mungkin menjadi kaya sampai bila-bila.

Tujuan saya mendedahkan sebab-sebab ini supaya anda dapat **menilai diri sendiri** dan menjadikannya sebagai satu **motivasi bagi** membetulkan beberapa kesilapan (sekiranya ada) supaya selepas ini tiada lagi halangan untuk anda menjadi kaya atau pun setidak-tidaknya bebas dari masalah kewangan.

Anda boleh meneruskan bacaan ini jika anda berminat untuk bebas dari masalah kewangan. Tetapi jika kekayaan dan kebebasan kewangan bukan matlamat anda, sila baca sehingga akhir perkataan supaya selepas ini anda tahu apakah motifnya menjadi kaya dan mengapa kita harus bebas dari masalah kewangan.

Berikut adalah sebab-sebabnya :-

1) Tidak Pernah Merancang

Mustahil anda boleh menjadi kaya tanpa merancang apa-apa. Saya tidak menafikan ada yang menjadi kaya kerana memperolehi durian runtuh atau memenangi nombor ekor - judi (orang islam adalah dilarang), tetapi majoriti orang kaya bersetuju dengan sebab pertama ini iaitu tidak pernah merancang.

Anda tidak akan merasai nikmat kekayaan jika anda tidak pernah merancang untuk menjadi kaya. Oleh itu, anda perlu mencatatkan segala rancangan anda dan jadikannya sebagai rujukan.

Pelan perancangan anda mestilah **jelas, spesifik, lengkap dan tepat** bagaimana anda boleh mencapai kekayaan tersebut. Ibarat seorang “arkitek” melukis pelan rumah dengan ukuran dan kedudukan yang tepat berdasarkan keluasan tanah yang ada!

2) Tidak Mempunyai Matlamat / Target

Matlamat merupakan cita-cita yang hendak **dicapai dalam satu waktu tempoh yang tertentu**. Jika anda bercita-cita hendak menjadi kaya tetapi tiada matlamat yang jelas, pasti matlamat tersebut tidak akan dapat direalisasikan.

Ada juga yang meletakkan **matlamat yang sukar** sehingga membebankan diri dan susah untuk dicapai. Akhirnya mereka ini mudah mengalah dan cepat berputus asa. Selain itu, **matlamat yang tidak logik** juga membantutkan usaha untuk merealisasikannya.

Anda perlu memperincikan matlamat yang hendak di capai seperti tempoh masa yang anda perlukan, apakah langkah-langkah yang sesuai, sumber mana yang hendak diperolehi, siapa yang akan membantu anda dan dengan siapa anda perlu bekerjasama.

Sebaik-baiknya **tetapkan matlamat secara berperingkat**. Ia bermula dengan matlamat kecil dan seterusnya menghampiri matlamat besar.

Contohnya, dalam masa 10 tahun lagi anda mahu mempunyai RM500,000 di dalam bank. Jadi, anda telah menetapkan untuk memperolehi RM10,000 pada tahun pertama. Kemudian RM20,000 pada tahun kedua, RM50,000 tahun keempat dan seterusnya sehingga anda berjaya memperolehi RM500,000 dalam masa 10 tahun!

Kemudian **jelaskan dan perincikan lebih detail** lagi bagaimana cara yang terbaik untuk anda mengumpulkan RM10,000 pada tahun pertama, RM20,000 tahun kedua dan begitu juga dengan tahun yang berikutnya.

Memecahkan matlamat besar kepada matlamat / target yang lebih kecil menjadikan ianya lebih mudah untuk dicapai. Tentu anda akan berasa lebih berpuas hati dan gembira. Jika anda tidak dapat mencapai matlamat utama (besar), setidaknya anda telah berjaya mencapai matlamat yang kecil.

3) Tidak Pernah Memulakan Langkah Pertama

Kebanyakan orang tidak sabar untuk menunggu menjadi kaya, **tetapi tidak ramai yang sanggup memulakan langkah pertama**. Ada juga sesetengahnya mengambil langkah pertama yang salah kerana mahu cepat kaya seperti menyertai “skim pelaburan cepat kaya”.

Lagi lama anda menunggu untuk menjadi kaya, lagi banyaklah peluang-peluang yang telah anda lepaskan dengan sengaja. Melihat orang lain berjaya memang seronok tetapi tiada ertinya jika anda tidak memulakan langkah pertama seperti mereka. **“Tiada sebarang pengakhiran jika tiada sebarang permulaan. Tidak akan tamat sesebuah perlumbaan jika berhenti separuh jalan.”**

Kita selalu **menunggu orang lain berjaya dengan sempurna** terlebih dahulu. Setelah itu barulah kita terburu-buru memulakan langkah yang pertama tanpa mengkaji sesuatu perkara tersebut. Disebabkan bertindak terburu-buru, akhirnya mereka gagal untuk mencapai apa yang diinginkan.

Pastikan langkah anda adalah tepat. **Fikir dan buat kajian terlebih dahulu**. Tidak semestinya langkah anda itu seperti terus memulakan peniagaan tetapi anda boleh juga memulakannya dengan mempelajari selok belok perniagaan dan keusahawanan, melalui bahan bacaan, kursus dan panduan serta tunjuk ajar dari mereka yang lebih arif.

Sekiranya anda tersalah memilih langkah, jadikan ianya satu pengajaran dan iktibar. Cuba untuk tidak mengulangi kesilapan tersebut pada masa akan datang.

4) Tiada Garis Panduan Untuk Menjadi Kaya

Sewajarnya anda mesti mempunyai satu garis panduan atau **peraturan khusus untuk diri sendiri** sebagai asas kepada cita-cita anda untuk menjadi kaya. Tidak ramai yang melakukannya, sebaliknya memandang remeh mengenai perkara ini.

Mempunyai garis panduan atau peraturan khusus boleh menjadikan diri anda seorang yang berdisiplin, beretika dan taat kepada prinsip. Contoh yang paling mudah ialah anda telah berjanji kepada diri sendiri untuk menyimpan RM300 sebulan. Jika anda gagal menyimpan RM300 pada bulan tersebut, anda perlu menyimpan 2 kali ganda pada bulan berikutnya.

Jadi, anda akan berusaha sedaya upaya untuk menyimpan RM300 setiap bulan bagi mengelakkan dari menyimpan RM600 pada bulan berikutnya kerana anda sedar yang anda tidak mampu menyimpan wang sebanyak RM600 pada bulan hadapan.

Jika anda tidak mampu melaksanakan janji anda pada diri sendiri, amat mustahil untuk anda menjadi kaya, malah amat jauh sekali untuk mencapainya. **Ubahlah sikap anda dan cuba patuhi garis panduan yang ditetapkan dengan sebaik mungkin!**

5) Tidak Mahu Belajar Menjadi Kaya

Semua orang suka memasang angan-angan untuk menjadi kaya, malah mahu menjadi jutawan pada usia yang muda. Impian yang cukup besar dan menarik, tetapi tidak sampai 10% daripada mereka mampu merealisasikan.

Bagaimana mereka yang telah berjaya boleh menjadikan impian mereka satu realiti? Jawapannya mudah. **Mereka belajar dan terus belajar.**

Dr. Irfan Khairi sebelum melibatkan diri di dalam perniagaan internet kerap menghadiri seminar perniagaan internet dan ceramah motivasi. Malah sering membeli buku-buku mengenai perniagaan dan keusahawaan sewaktu menuntut di luar negara. Beliau telah memasang cita-cita untuk menjadi jutawan semasa di bangku sekolah lagi!

Apakah yang anda pelajari selama ini sudah cukup untuk membuatkan anda kaya? Cukupkah usaha anda? Apa yang telah anda lakukan untuk mencapainya?

Mahu atau tidak, syarat utama untuk menjadi kaya adalah dengan belajar dan terus belajar. Sama ada melalui buku-buku, seminar mahu pun pengalaman, setiap daripadanya memberikan impak yang berbeza kepada diri anda. Terpujang kepada anda untuk mengamalkannya.

“Tuntutlah ilmu walau sehingga ke negeri China...”

6) Terlalu Cepat Berputus Asa

Anda terlalu mudah berputus asa. Walaupun kegagalan yang berlaku ke atas diri anda tidak seberapa, anda sudah berasa “give up”. Sudah tidak mahu meneruskannya lagi. Jika selama-lamanya dan setiap kali perkara ini berulang-ulang, amat mustahil untuk anda menjadi kaya dan anda tidak akan memperolehi apa-apa.

Kegagalan bukanlah kesilapan tetapi merupakan “guru” yang paling terbaik pernah mengajar anda erti dan punca kegagalan tersebut.

Thomas Edision telah mencuba beribu-ribu kali untuk menghasilkan lampu dan akhirnya berjaya kerana beliau sebenarnya telah terjumpa beribu-ribu punca dan sebab mengapa lampu tersebut tidak berfungsi!

Thomas Edision sendiri mengkaji beribu-ribu kesilapan tersebut agar tidak mengulanginya dan mencipta cara baru supaya lampu tersebut boleh berfungsi dengan baik. Bagaimana dengan anda? Adakah anda telah mengkaji beberapa kesilapan yang telah anda lakukan?

Setiap cabaran dan dugaan kegagalan yang anda tempuhi sebenarnya **merupakan didikan pengalaman** dan akan menjadikan anda seorang yang lebih berjaya kelak! InsyaAllah anda akan menemui kejayaan di penghujungnya. Teruskan usaha...!

7) Ilmu Kewangan Yang Lemah

Inilah sebab utama mengapa anda tidak menjadi kaya. Pengetahuan kewangan yang lemah menyebabkan **sistem pengurusan kewangan juga menjadi kuncar kancir**.

Seorang sahabat saya pernah mengatakan beliau mempunyai **aset bernilai RM500,000 (setengah juta ringgit)** dengan penuh bangga. Walhal segala aset tersebut masih lagi di dalam pembiayaan. Kereta BMW, Cadina, rumah banglo beliau masih lagi berhutang dengan bank. Dalam erti kata lain, beliau masih perlu membayar sejumlah wang yang besar (ansuran) kepada pihak bank!

Masih ramai lagi yang keliru dengan perbezaan antara **ASET** dan juga **LIABILITI**. Apa itu ASET dan apa itu LIABILITI?

Mengenai definisi ASET, ramai yang bertelagah dan tidak sependapat. Oleh itu saya merujuk kepada keterangan **Robert T. Kiyosaki**, penulis buku **“Rich Dad Poor Dad”**. ASET merupakan harta benda berupa perniagaan, pelaburan saham, hartanah, dividen dan sebagainya yang memberikan pendapatan tambahan kepada pemilik ASET.

LIABILITI ialah tanggungan sejumlah hutang dan perbelanjaan yang mana anda terpaksa mengeluarkan wang dari poket anda.

Cuba anda bezakan contoh ini :

Anda membeli sebuah kereta untuk kegunaan sendiri. Anda membayar ansuran setiap bulan kepada pihak bank. Manakala kawan anda pula membeli sebuah kereta untuk disewakan. Hasil sewaan yang diperolehi melebihi jumlah bayaran ansuran bulanan. Lebihan wang tersebut merupakan pendapatan tambahan kepadanya.

Dapatkah anda membezakannya?

8) Mudah Percaya dan di Pengaruhi

Contohnya ialah anda telah bersungguh-sungguh memulakan perniagaan. Setelah sebulan dua, anda menerima hasil yang cukup membanggakan. Tiba-tiba ada segolongan ini menghantar SMS atau berjumpa dengan anda dan **melontarkan kata-kata NEGATIF mengenai perniagaan anda**, sekaligus menjatuhkan semangat anda. Lama kelamaan anda pun mula berfikiran NEGATIF dan “termakan” dengan kata-kata golongan ini. Lalu perniagaan anda jatuh dan mengalami kerugian.

Begitu mudahnya anda dipengaruhi oleh golongan ini. Sebaik-baiknya anda tidak perlu menghiraukan kata-kata NEGATIF yang dilontarkan. Jika perniagaan anda sah, halal dan tidak menyusahkan mana-mana pihak, **mengapa anda perlu mendengar kata-kata mereka yang tidak pernah melakukan apa yang anda lakukan??**

Anda perlu yakin dan percaya dengan kebolehan diri sendiri. Sebarang usaha menjatuhkan semangat anda, anggap ianya sebagai satu cabaran yang mampu

memotivasikan diri untuk memajukan perniagaan tersebut. InsyaAllah anda akan lebih berjaya kelak!

9) Malas dan Mengharapkan Bantuan Orang Lain

Setiap hari anda berfikir dan berangan-angan untuk menjadi kaya. Namun setiap kali itulah ada sahaja alasan anda untuk tidak berusaha melakukannya. Alasan yang paling popular sekali ialah **tidak mempunyai masa yang cukup**.

Semua manusia dikurniakan masa yang sama iaitu 24 jam. Tidak lebih dan tidak kurang. Sebenarnya anda malas untuk mencari masa yang khusus untuk anda berusaha menjadi kaya.

Ada sesetengahnya hanya berdoa agar menjadi kaya tetapi langsung tiada usaha yang dilakukan untuk menjadi kaya. **Doa atau tawakkal tanpa usaha tidak akan menjadi...!**

Peluang untuk menjadi kaya tetap ada pada setiap orang. Samalah juga jika anda hendak makan, anda hanya perlu menyuap ke dalam mulut, **mengapa mesti menunggu orang lain menyuapkan untuk anda?** (melainkan jika anda benar-benar tidak sempurna - cacat).

p/s : Orang kurang upaya pun tahu untuk berusaha sendiri.

Jauhilah sifat MALAS. Orang malas tidak akan mendapat apa-apa. Apatah lagi jika hendak menjadi kaya. Hidup di dalam zaman moden ini, sifat MALAS akan menyebabkan hidup anda terbiar dan melarat.

Berusahalah bersungguh-sungguh dan sentiasa berdoa kepada Tuhan. InsyaAllah anda akan mengecapi apa yang anda inginkan.

- Tamat -

Penutup

Kini anda sudah pun tahu 9 sebab mengapa anda gagal menjadi kaya. Sebenarnya banyak lagi sebab-sebab yang lain, tetapi cukuplah dengan 9 sebab yang telah saya ceritakan ini. Apa yang penting, anda patut mula menyedari kesilapan dan kegagalan yang pernah anda lakukan.

Oleh itu, bangun dan berusahalah untuk melakukan sesuatu dengan cara terbaik supaya impian anda untuk menjadi kaya tercapai. Semoga apa yang saya sampaikan dapat dimanfaatkan oleh anda.

Sekian. Terima kasih.

Layari :-

Blog Pengurusan Kewangan Peribadi

www.petuajimatduit.com

Tawaran Menarik



Rahsia Teknik Mudah (Teknik Simple)

Ebook ini mengandungi **3 Teknik paling mudah dan simple** untuk menjana pendapatan melalui internet tanpa perlu mempunyai laman web, blog dan skill POWER!!

Selepas membaca ebook ini, dalam masa tidak sampai **24 jam**, anda sudah boleh melakukannya seperti seorang profesional!

<http://www.petuajimatduit.com/teknikmudah>



Pakej Grafik Paling Cun!!

Jadikan web anda profesional dan cantik untuk menambat hati pelawat seterusnya mampu menjual!

Ya! **Koleksi grafik paling cun 2008** ini adalah yang terkini! Tingkatkan jualan produk digital dan fizikal anda dengan grafik yang paling cun.

Anda juga kini **boleh menjadi seorang designer banner iklan profesional** yang akan menarik trafik paling tinggi selepas memiliki grafik ini.

<http://www.krisiswang.com/grafikcun>